

Insan seimbang nadi pembaharuan PPPM (PT)

OLEH AINOL AMRIZ ISMAIL

■ SEREMBAN 3 APRIL

PELAN Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) atau singkatannya PPPM (PT) 2015-2025 melonjak senario baharu pencapaian dan kecemerlangan falsafah pendidikan kebangsaan, sekali gus meletakkan aspek melahirkan insan seimbang sebagai nadi pembaharuannya.

Penyandang Kursi Kepemimpinan Islam Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak berkata, apa juga model baharu pendidikan itu, ia tidak boleh lari daripada falsafah pendidikan kebangsaan yang mana terajunya adalah keberkesanan insan.

"Apabila berbicara soal nilai ini, ada satu bentuk berimbang iaitu untuk melahirkan insan seimbang yang dikehendaki falsafah pendidikan kebangsaan, yang mana boleh memakmurkan rakyat dan saksama dalam semua hal," katanya dalam temu bual di USIM, Nilai dekat sini.

Katanya, ini kerana nilai itu tidak boleh dilihat semata-mata dalam konteks ekonomi kerana ekonomi tidak dapat menjamin kemakmuran rakyat jika pendidikan tidak dapat melahirkan insan seimbang tersebut.

Beliau juga menjelaskan, dalam konteks aspirasi pelan pembangunan pendidikan itu, satu kaedah pemahaman krisis perlu diperkukuh supaya graduan yang lahir dapat menanganinya melalui pembelajaran yang digerakkan itu.

"Pelajar harus dicanai pemikiran cara mana menangani pelbagai bentuk krisis, bukan sahaja soal ekologi, tetapi hal lain seperti keganasan, ekonomi, kewangan kerana apa juga yang disangkutkan itu hendaklah dilihat dalam konteks cabaran besar abad ke-21 ini," tegasnya.

Mengenai Latihan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET), Dzulkifli mengakui perlu difungsikan sebaik peranannya.

"Hari ini TVET ibarat piramid ter-



Apabila berbicara soal nilai ini, ada satu bentuk berimbang iaitu untuk melahirkan insan seimbang yang dikehendaki falsafah pendidikan kebangsaan, yang mana boleh memakmurkan rakyat dan saksama dalam semua hal

DZULKIFLI ABDUL RAZAK
Penyandang Kursi Kepemimpinan Islam
Universiti Sains Islam Malaysia



balik, lebih banyak institusi pengajian tinggi berbanding sekolah, kolej mahupun politeknik berteraskan teknikal. Soalnya dari mana kader ini akan datang jika tiada lagi orang bersekolah teknikal. Bagaimana mahu masuk universiti teknikal.

"Kita bercakap soal anak masuk universiti, tetapi bukan semua menjadi realiti. Kita perlu beritahu mereka ada juga saluran pendidikan yang setaraf universiti yang boleh mereka masuk dan akhirnya ilmu itu sampai ke peringkat universiti. TVET bukan pendidikan kelas kedua," tegasnya bahawa TVET juga akan menjadi ilham baharu pendidikan negara.

Dalam inovasi ekosistem, Dzulkifli memberitahu, ekosistem itu sendiri berkaitan kepada soal kebebasan dan apa juga inovasi yang hendak dibuat perlu ada ruang untuk berfikir kerana jika persekitaran itu ada kekangan, ekosistem itu tidak akan wujud dan inovasi akan terbantut.

"Inovasi tidak hanya tertumpu pada aspek teknikal tetapi bersangkut juga soal inovasi sosial. Contohnya, ubat yang meredakan penyakit jantung dan itu tidak sampai ke sasaran jika tiada inovasi sosial iaitu hospital. Di situlah inovasi teknikal dipakai dalam inovasi sosial dengan penggunaannya adalah pesakit di hospital," jelasnya.

Mengenai tadbir urus pula, beliau menjelaskan individu yang diberi amanah mentadbir universiti hendaklah tahu soal pendidikan.

"Jika ada orang melihat universiti itu sebagai gedung 'membuat' duit dan dibawa masuk ke universiti tersebut, itulah yang akan merosakkan pentadbiran universiti keseluruhan. Kita perlu letak ahlinya kepada tempatnya.

"Saya setuju kita menuju dan menjadi jaguh di peringkat global tetapi saya nyatakan bahawa, kita tidak akan dapat sampai ke peringkat global, jika kita tidak dapat selesaikan apa juga masalah di peringkat lokal," ujarnya.

Katanya, hendaklah diberi kepercayaan kepada universiti untuk bebas melakukan apa sahaja yang penting untuk pendidikan, soal autonomi, kebebasan akademik, berfikir, berbalah atau perbezaan pendapat kerana itu akan 'memperkayakan' universiti.

Dzulkifli menegaskan, dalam soal pembelajaran sepanjang hayat perlulah permulaannya di peringkat tadika lagi.

"Bukan sampai di universiti dan bila sudah tamat pengajian, baru hendak menyebut soal pembelajaran sepanjang hayat. Mulakan di peringkat tadika dan kita mahu anak-anak itu pandai menghargai ilmu, mencari ilmu dan pandai mentafsir ilmu kerana itulah bibit pendidikan dalam konteks pem-

belajaran sepanjang hayat," katanya.

Beliau yang juga Presiden Persatuan Universiti Antarabangsa (International Association of Universities) beribu pejabat di Paris memberitahu, dalam akses dan kelestarian kewangan seharusnya kedua-dua itu diasingkan.

"Semua orang mesti mendapat peluang pendidikan dan tidak bergantung dengan keupayaan kewangan. Yang menjadi kekangan dalam pendidikan kerana model yang ada sekarang tidak lagi pentingkan soal pencapaian. Ini kerana kita gunakan model Barat.

"Mengapa kita tidak gunakan model lain seperti model Timur dan Islam, misalnya pendidikan wakaf sebagaimana universiti pertama dan tertua di dunia, Universiti Qarawiyin di Fes, Maghribi yang ditubuhkan berpandukan prinsip wakaf dan sehingga ke hari ini universiti wakaf itu terus memberikan pendidikan yang tidak membebaskan pelajar.

"Saya tidak setuju dirangkaikan keduanya ini kerana bimbang kesudahannya nanti menjadi kekangan untuk mendapatkan pendidikan dan pula menjadi satu beban kepada pelajar yang hendak meneruskan pendidikan," katanya.

Bagi aspek peralihan pula, beliau menjelaskan lagi, produk terakhir dalam falsafah pendidikan kebangsaan ialah manusia yang seimbang.

"Jika kita mengubah aliran pendidikan dan tumpukan kepada lebih pasaran atau ekonomi tanpa mengutamakan insan, itu akan rumitkan keadaan. Insan sepatutnya menentukan ekonomi dan pasaran, bukan pasaran yang tentukan insan.

"Sekarang apa yang berlaku adalah pasaran tentukan insan dan pasaranlah yang mengatakan kepada universiti yang mereka hendaklah graduan begitu dan begini. Saya bimbang, pelajar yang belajar di universiti itu kelak hanya mementingkan ijazah dan untuk mendapatkan pekerjaan semata-mata," katanya.

10 LONJAKAN



Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (PENDIDIKAN TINGGI)



1 Graduan Holistik, Keusahawanan dan Seimbang



2 Kecemerlangan Bakat



3 Masyarakat Yang Belajar Sepanjang Hayat



4 Graduan TVET (Latihan Pendidikan Teknikal & Vokasional) Berkualiti



5 Kelestarian Kewangan



6 Tadbir Urus Perkasa



7 Ekosistem Inovasi



8 Kesohoran Global



9 Pembelajaran Dalam Talian Secara Global



10 Penyampaian Pendidikan Tinggi yang Ditransformasi